

## **SPESIFIKASI TEKNIKAL**

### **SEBUTHARGA BIL. 8/2021 : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SME CENTRAL INCENTIVES SYSTEM (SCENIC)**

#### **1. OBJEKTIF**

- 1.1 Perolehan bagi perkhidmatan penyelenggaraan SME *Central Incentives System* (SCenIc) SME Corp. Malaysia untuk tempoh 9 bulan. Tempoh perkhidmatan penyelenggaraan sistem sedia ada akan tamat pada 30 September 2021.
- 1.2 Perkhidmatan penyelenggaraan ini perlu bagi membolehkan SME Corp. Malaysia mendapat sokongan teknikal berterusan daripada pihak pembekal dan juga untuk tujuan memperbaharui lesen penyelenggaraan perisian *Tableau* serta mendapatkan versi dan *patches* terbaharu dari semasa ke semasa.

#### **2. LATAR BELAKANG SISTEM**

- 2.1 SME Central Incentives System (SCenIc) merupakan pangkalan data bersepadu yang terdiri daripada senarai penerima insentif dan bantuan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan sebagai rujukan kepada Kementerian dan Agensi untuk membuat keputusan bermaklum (*informed decisions*) untuk pengagihan sumber / insentif yang berkesan.
- 2.2 Sistem telah dibangunkan secara *outsourced* dan siap pada Jun 2018. Menggunakan platform PHP dan pangkalan data MySQL. Sistem ini masih dalam tempoh perkhidmatan penyelenggaraan dengan pembekal sedia ada sehingga 30 September 2021 dan di tempatkan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), MAMPU. Sistem ini menggunakan perisian *Tableau* untuk modul *dashboard* dan laporan.
- 2.3 Lesen penyelenggaraan perisian *Tableau* sedia ada adalah seperti berikut :
  - a) 1 unit *Tableau Server* dan 1 unit *Tableau Desktop* akan tamat tempoh pada 30 September 2021
  - b) 5 unit *Tableau Desktop* akan tamat tempoh pada 31 Disember 2021

### 3. SKOP UMUM

- 3.1 Membekal perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan teknikal bagi sistem SCenIc untuk tempoh 9 bulan (1 Oktober 2021 – 30 Jun 2022).
- 3.2 Memperbaharui Lesen penyelenggaraan perisian *Tableau* (*Perpetual licensing*) berikut untuk tempoh 12 bulan (1 Oktober 2021 – 30 Jun 2022):
  - i) *Tableau Server* – 1 unit
  - ii) *Tableau Desktop* – 1 unit
- 3.3 Memperbaharui Lesen penyelenggaraan perisian *Tableau* (*Perpetual licensing*) berikut untuk tempoh 6 bulan (1 Januari 2022 – 30 Jun 2022):
  - i) *Tableau Desktop* – 5 unit

### 4. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 4.1 Kontrak bekalan / perkhidmatan adalah bagi tempoh 9 bulan (1 Oktober 2021 – 30 Jun 2022).
- 4.2 Bayaran akan dibuat secara berperingkat mengikut jadual pembayaran yang dipersetujui.
- 4.3 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois daripada Pembekal.

### 5. SYARAT-SYARAT LAIN

- 5.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dengan kod bidang yang bersesuaian seperti **210103**, **210104** dan **210109**
- 5.2 Pemilihan pembekal akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di Jadual Pematuhan (Skop Khusus) di bawah.
- 5.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:

- a. Tidak memenuhi Skop Bekalan/Perkhidmatan yang dipersetujui
- b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Bekalan/Perkhidmatan
- c. Tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan

5.4 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) berdasarkan formula berikut:

$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat melaksanakan bekalan/ perkhidmatan})$

**JADUAL PEMATUHAN (SKOP KHUSUS)**

BIL.	SPEKIFIKASI MINIMUM	KUANTITI (UNIT)	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DI-PERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN **
<b>1. MEMBEKAL PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL BAGI SISTEM SCENIC</b>				
	Membekal perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan teknikal bagi sistem SCENIC untuk tempoh 9 bulan (1 Oktober 2021 – 30 Jun 2022)	1 lot		
<b>1.1</b>	<b>Penyelenggaraan pencegahan (<i>Preventive Maintenance</i>)</b>	1 lot		
1.1.1	Melakukan pemeriksaan berjadual bagi memastikan sistem berfungsi dengan baik dan mengelakkan berlakunya kerosakan besar.	Minimum 4 kali dalam tempoh 9 bulan		
1.1.2	Pemeriksaan Pangkalan Data			
1.1.3	Pemeriksaan Sistem Operasi supaya sentiasa berfungsi dengan baik.			
1.1.4	Melaksanakan aktiviti <i>backup</i> dan <i>restore</i> serta memastikan setiap salinan backup boleh digunakan untuk aktiviti <i>restore</i>			
1.1.5	Memastikan Sistem Pengoperasian Server (patches) sentiasa di kemaskini.	Minimum 4 kali dalam		
1.1.6	Meningkatkan versi PHP ke versi stabil terkini jika ada ( <i>security</i> )			

1.1.7	Meningkatkan versi <i>database</i> ke versi stabil terkini jika ada ( <i>security</i> )	tempoh 9 bulan		
1.1.8	Meningkatkan versi <i>Tableau</i> ke versi stabil terkini jika ada			
<b>1.2</b>	<b>Penyelenggaraan pemuliharaan (<i>Corrective Maintenance</i>)</b>	1 lot		
1.2.1	Mendiagnosis penyebab kegagalan di bahagian tertentu dan melakukan penggantian atau pembaikan agar sistem berfungsi dengan lancar	Masa respon  Isu Kritikal : 1 hari bekerja  dan  Isu tidak Kritikal : 3 hari bekerja		
1.2.2	Khidmat sokongan teknikal			
1.2.3	Menambahbaik modul-modul sedia ada mengikut permintaan pengguna dari semasa ke semasa.			
1.2.4	Memastikan data yang telah dimasukkan menerusi modul utama tidak perlu lagi dimasukkan semula pada modul-modul yang lain yang memerlukan data yang sama.			
1.2.5	Mengemaskini semua halaman/paparan kemasukan data yang bermasalah sekiranya ada.			
1.2.6	Membaiki semua ralat bagi semua modul jika perlu.			
1.2.7	Menambah medan-medan ( <i>field</i> ) dalam jadual ( <i>table</i> ) dan skrin kemasukan data mengikut keperluan pengguna bagi setiap modul.			
1.2.8	Mengemaskini manual pengguna selepas perubahan			

1.2.9	Memperbaiki kelemahan laporan serta graf sedia ada dan membuat laporan dan graf baru mengikut kehendak pengguna.			
<b>1.3</b>	<b>Penyelenggaraan ‘Server Housekeeping’</b>	1 lot		
1.3.1	Membuat pembersihan ( <i>housekeeping</i> ) ke atas <i>server</i>	Minimum 4 kali dalam tempoh 9 bulan		
1.3.2	Memastikan storan data adalah mencukupi selaras dengan pertambahan data.			
<b>1.4</b>	<b>Perkhidmatan Sokongan Operasi</b>	1 lot		
1.4.1	Merujuk kepada kerja-kerja sokongan dan aktiviti-aktiviti harian yang perlu dilaksanakan di sistem SCENIC bagi memastikan sistem beroperasi dengan lancar dan paparan adalah terkini dan menarik.	Untuk tempoh 9 bulan (1 Oktober 2021 – 30 Jun 2022)		
<b>1.5</b>	<b>Pembersihan data (<i>Data Cleaning</i>) dan Migrasi Data</b>	1 lot		
1.5.1	Membuat <i>data cleaning</i> sekiranya perlu	Untuk tempoh 9 bulan (1 Oktober 2021 – 30 Jun 2022)		
1.5.2	Keperluan untuk membuat data migrasi dan untuk pembetulan kepada data			
1.5.3	Sekiranya ada apa-apa perubahan, data migrasi perlu dibuat			
<b>1.6</b>	<b>Migrasi server</b>	1 lot		
	Pada masa ini sistem adalah ditempatkan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA). Jika ada keperluan untuk migrasi server	Jika diperlukan		

1.7	Lain-lain	1 lot		
	Jika adanya permintaan untuk latihan sistem atau mengadakan bengkel kepada Kementerian & Agensi, pembekal mesti melaksanakannya.	Maksimum 2 sesi dalam tempoh 9 bulan		
<b>2. PEMBAHARUAN LESEN PENYELENGGARAAN PERISIAN</b>				
2.1	Memperbaharui Lesen penyelenggaraan perisian <i>Tableau (Perpetual licensing)</i> berikut untuk tempoh 9 bulan (1 Oktober 2021 – 30 Jun 2022) :			
2.1.1	<i>Tableau Server</i>	1 unit		
2.1.2	<i>Tableau Desktop</i>	1 unit		
2.2	Memperbaharui Lesen penyelenggaraan perisian <i>Tableau (Perpetual licensing)</i> berikut untuk tempoh 6 bulan (1 Januari 2022 – 30 Jun 2022) :			
2.2.1	<i>Tableau Desktop</i>	5 unit		

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 8/2021.**

.....  
 Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh :  
 Cop Syarikat :